

LAPORAN KES PENDAKWAAN

Fives Industry Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran: 201401046462 (1122650-W)) (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Klang, Selangor bagi kesalahan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 iaitu secara curang menghalang meter jenama Landis +Gyr model E550 bernombor siri 50485928 daripada merekodkan dengan sempurna penggunahabisan elektrik dengan cara memasang plat besi beserta apit G di *Test Terminal Block* (TTB). Pada 29 April 2026, OKS telah mengaku salah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000.00. OKS membayar denda tersebut.